

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

| Bil | Tajuk                                          | Akhbar            |
|-----|------------------------------------------------|-------------------|
| 1.  | FRIM-FITEC anjur seminar reka bentuk perabot   | Utusan Malaysia   |
| 2.  | Hanya satu klik curi data peribadi             | Berita Harian     |
| 3.  | Teroka pasaran ASEAN                           | Harian Metro      |
| 4.  | Jejak Dinosaur                                 | Utusan Malaysia   |
| 5.  | Islam has long preached sustainable living     | New Straits Times |
| 6.  | Kakitangan awam kena dekati masyarakat: Zabidi | Berita Harian     |

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 9**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

## FRIM-FITEC anjur seminar reka bentuk perabot

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) akan menganjurkan Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional pada 26 dan 27 November ini di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut kenyataan FRIM, seminar tersebut diadakan bertujuan menggalak dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di peringkat global.

“Simposium ini dianjurkan dengan sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB),” kata kenyataan tersebut.

Simposium tersebut dijangka dihadiri kira-kira 200 peserta dari kalangan usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar institut pengajian tinggi (IPT).

Simposium yang bakal dirasmikan oleh Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai pentingnya hubung kait antara reka bentuk, bahan mentah, teknologi dan pasaran demi meningkatkan nilai eksport perabot negara.

Tiga pengucapama iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Dekan Pusat Pengajaran Seni Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Mohamad Omar Bidin; dan rakan kongsi Roland Berger Strategy Consultants Sdn. Bhd. Malaysia, John Low akan masing-masing menyampaikan pembentangan bertajuk, *Bahan Mentah/Inovasi/Potensi; Design as Pillar for Excellent Product; dan Cara untuk mempromosikan dan memasarkan produk*.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd. Latif Mohmod dan kedua-dua timbalannya Dr. Mohd. Nor Mohd. Yusoff dan Dr. Norini Haron juga akan menghadiri simposium tersebut.

**Pakar-pakar FRIM akan membentangkan dua topik iaitu:**

- Kepentingan Ujian Perabot untuk Memenuhi Kepuasan Pelanggan oleh Pengarah Bahagian Keluaran Hutan, Dr. Rahim Sudin.
- Sistem Pengeringan Suhu Tinggi oleh Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Rekabentuk, Dr. Tan Yu Eng.

Untuk pendaftaran atau maklumat lanjut, hubungi Yanti Abdul Kadir (03-62797705 / [yanti@frim.gov.my](mailto:yanti@frim.gov.my)); Noor Azrieda Abdul Rashid (03-62797415 / [azrieda@frim.gov.my](mailto:azrieda@frim.gov.my)) atau Siti Zaleha Ali (03-62797386 / [sitzalehaali@frim.gov.my](mailto:sitzalehaali@frim.gov.my)).

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 3  
TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

Eksklusif

# Hanya satu klik curi data peribadi

» Taktik terbaru penjenayah godam e-mel akses maklumat tanpa disedari

Oleh Syalika Sazili  
syalika@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**S**atu klik pada pautan yang diterima menerusi e-mel boleh menyebabkan seseorang menjadi mangsa sindiket penipuan siber yang mencuri data peribadi.

Kaedah itu menjadi taktik terbaru penjenayah siber bagi menggodam e-mel tanpa disedari oleh mangsa.


Antara cara dikesan ialah penghantaran e-mel tertera arahan 'klik di sini jika tidak dapat membaca mesej' yang mengandungi pautan khusus.

Apabila mangsa menekan pautan itu, pengodaman mendapat akses kepada maklumat senarai kekalangan mangsa, termasuk alamat e-mel dan data peribadi.

#### Hantar secara automatik

Malah, klik di pautan itu akan menyebabkan e-mel sama dihantar kepada mangsa lain secara automatik, menyebabkan lebih ramai menjadi mangsa penipuan atau *spam* ini.

Kakitangan swasta, Samad Ra-



Mohd Zaman Khan Rahim Khan

him, 62, yang pernah menjadi mangsa penipuan internet berkata, mangsa dipercayai dipilih secara rawak.

"Beberapa hari lalu saya menerima e-mel daripada anak lelaki dengan mesej 'klik di sini jika tidak dapat membaca mesej'.

"Apabila saya klik, yang keluar cuma skrin kosong. Saya hanya menyedari ia *spam* apabila rakan menelefon dan bertanyakan kandungan e-mel yang saya hantar," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, e-mel berkenaan

dibuka oleh penerima kerana nama penghantar adalah kenalan terdekat atau ahli keluarga.

#### Maklumat sulit

Apap yang membimbangkan, katanya, pelbagai maklumat sulit disimpan dalam e-mel seperti nombor pengesahan peribadi (PIN) akaun bank dan nombor kad pengenalan.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tan Sri Mohd Zaman Khan Rahim Khan, turut menjadikan mangsa sindiket penipuan

an menerusi e-mel berkenaan.

"Rupanya satu klik itu sudah membuka ruang kepada penjenayah menggodam maklumat di telefon bimbit dan komputer peribadi saya."

"Ada rakan mendakwa mendapat e-mel yang konyonya dihantar oleh saya dan meminta mereka memasukkan kata laluan baharu, konyonya atas faktor keselamatan bagi mengelak maklumat digodam."

"Sebenarnya itu adalah perangkap mendapatkan data peribadi mangsa," katanya.

# Cyber-Security nasihat orang ramai lebih berhati-hati

**Kuala Lumpur:** Pengguna telefon bimbit dan komputer perlu lebih berhati-hati terhadap ancaman siber, selain perlu mengambil serius keselamatan mengakses maklumat secara atas talian.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security Malaysia (Cyber-Security), Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata mereka terdedah terhadap ancaman kerana kurang mengambil langkah perlu melindungi data peribadi.

Katanya, Cyber-Security mendapat lebih 3,000 kes penipuan internet dilaporkan dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

"Kita menerima pelbagai aduan berkaitan sindiket klik pautan internet menerusi e-mel yang di-

**“Kecanggihan teknologi dan penggunaannya yang meluas menyukarkan pengguna mengesan ancaman penggodam, maka pengguna perlu mengutamakan langkah keselamatan”**

**Dr Amirudin Abdul Wahab,  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Cyber-Security**



kategorikan sebagai penipuan internet.

#### Kes tertinggi dilaporkan

"Ia antara kes tertinggi dilaporkan setiap tahun dan pelbagai kaedah dilakukan bagi memerangkap mangsa, termasuk mendesak pengguna mendedahkan data peribadi."

"Pengguna yang termakan oleh 'arahan' itu berdedah risiko data peribadi mereka digodam," katanya.

Amirudin berkata, orang ramai perlu membuat aduan jika menerima e-mel yang kandungannya meragukan atau berbauran ancaman berkaitan data peribadi.

Katanya, Cyber-Security sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan bagi menangani masalah terbabit.

#### Utamakan keselamatan

"Kecanggihan teknologi dan penggunaannya yang meluas menyukarkan pengguna mengesan ancaman penggodam, maka pengguna perlu mengutamakan langkah keselamatan."

"Dapatkan maklumat atau pa-

duan untuk mengesan ancaman siber menerusi laman web [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)" katanya.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai pusat tindak balas kecemasan bagi membantu pengguna menangani ancaman siber.

Katanya, pengguna boleh menghubung Cyber-Security menerusi pelbagai cara seperti talian kecemasan, SMS atau e-mel.

#### FAKTA NOMBOR

**3,000  
kes**

**penipuan internet**  
dilaporkan ke Cyber-Security  
dalam tempoh 10 bulan  
pertama tahun ini

# Teroka pasaran ASEAN

## ■ Biotechcorp tunggu fasa ketiga Dasar Bioteknologi Nasional bermula

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnnin@mediapri-  
ma.com.my  
Kuala Lumpur

**M**alaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) berharap untuk mula menerokai pasaran ASEAN secara meluas apabila bermulanya fasa ketiga Dasar Bioteknologi Nasional (NBP) menjelang 2016.

NBP fasa kedua yang dilaksanakan antara tahun 2011 hingga 2015 ketika ini menunjukkan prestasi positif daripada segi pencapaian tarikan pelaburan langsung sama ada domestik dan asing serta menawarkan peluang pekerjaan yang lebih daripada sasaran di letakkan pada awal pelaksanaannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Biotechcorp Datuk Dr Nazlee Kamal berkata, pelaburan ketika ini mencatatkan jumlah RM18.53 bilion dan 83,400 peluang pekerjaan ditawarkan yang mana sasaran diletakkan di awal pelaksanaannya masing-masing RM9 bilion dan 80,000 peluang pekerjaan.

Beliau berkata, prestasi itu menunjukkan industri syarikat bioteknologi negara mampu melebarkan pasa-

raninya ke luar negara dengan Thailand dijangka menjadi rakan dagangan pertama dalam industri itu secara formal pada akhir tahun ini yang dilaksanakan oleh Biotechcorp.

"Kita mula sedikit demi sedikit untuk menerokai pasaran ASEAN dan Thailand bersetuju untuk menjalin kerjasama"

Dr Nazlee Kamal



pada fasa ketiga kelak," katanya.

Persidangan Ekonomi ASEAN (AEC) yang bakal berlangsung di Malaysia pada ta-

hun depan turut menjadi faktor kesediaan Biotechcorp mengembangkan dagangan ke rantau berkenaan.

Sejak 2007 hingga Novem-

ber 2014, Biotechcorp mencatatkan 240 syarikat berstatus BioNexus dan jumlah yang berjaya mengeksport produk mereka di pasaran asing masih kecil.

Nazlee berkata, Malaysia mempunyai kualiti produk bioteknologi berstandard tinggi, tetapi masyarakat masih mempunyai tanggapan skeptikal mengenainya.

"Sebelum syarikat ini ke pasaran asing, kita mahu produk yang dikomersialkan mereka diterima oleh pengguna tempatan dan ini menjadi satu cabaran meskipun ada di kalangan produk mereka sudah mendapat tempat di luar negara berbanding di negara sendiri," katanya.

### PERBANDINGAN PRESTASI NBP FASA 1 DAN 2

| PETUNJUK              | FASA 1 SASARAN (2006-2010)                 | FASA 1 PENCAPAIAN (2011-2015) | FASA 2 SASARAN | FASA 2 PENCAPAIAN SETAKAT INI |
|-----------------------|--------------------------------------------|-------------------------------|----------------|-------------------------------|
| <b>PELABURAN</b>      | <b>RM6b</b>                                | <b>RM5.4b</b>                 | <b>RM9b</b>    | <b>RM18.53b</b>               |
| <b>PEKERJAAN</b>      | <b>40,000</b>                              | <b>54,776</b>                 | <b>80,000</b>  | <b>83,400</b>                 |
| <b>PEROLEHAN</b>      | <b>RM20b</b><br>(syarikat BioNexus sahaja) | <b>RM13.3b</b>                | <b>RM50b</b>   | <b>RM3.2b</b>                 |
| <b>SUMBANGAN KDNK</b> | <b>2.5%</b>                                | <b>2.2%</b>                   | <b>4.0%</b>    | <b>2.2%</b><br>(setakat 2010) |

Sumber: Biotechcorp

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 2**  
**TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**



KUMPULAN penyelidik Ekspedisi Gunung Gagau: Menjejaki Dinosaurus bersedia memulakan ekspedisi dari Pangkalan Gawi, Tasik Kenyir.

# Jejak dinosaur

Saintis perlu teruskan usaha menyelidik kesan haiwan prasejarah

**C**ERITANYA bukan baru malah pernah saya sebut pada satu seminar pada tahun 1995 mengenai kemungkinan kita menemukan dinosaurus di Taman Negara berdasarkan kepada penemuan fosil paku pakis yang boleh menjadi sumber makanan haiwan tersebut," kata Prof. Dr. Mohd. Shafeea Leman.

Profesor bidang palaentologi (kajian fosil) dari Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga merupakan seorang felo Akademi Sains Malaysia (ASM) itu berkata, berdasarkan penemuan pelbagai fosil tumbuhan berusia Kapur Awal (antara 120 dan 130 juta tahun) di Gunung Gagau oleh Rishworth (1974) termasuk spesies *Gleichenoides gagauensis*, tidak mustahil dinosaurus boleh ditemukan di negara ini.

Beliau merupakan ahli tertua daripada kumpulan 18 penyelidik daripada pelbagai universiti tempatan dan jabatan kerajaan yang menyertai Ekspedisi Gunung Gagau - Menjejaki Dinosaurus di Hulu Terengganu pada 13 hingga 23 Oktober lalu.

Menurut Dr. Shafeea, ekspedisi tersebut adalah susulan daripada dua siri ekspedisi terdahulu yang telah dianjurkan oleh Persatuan Geologi Malaysia (PGM) pada tahun 1997 dan ekspedisi anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) dan

Oleh LAUPA JUNUS  
laupa.junus@utusan.com.my

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) pada tahun 2008.

Ekspedisi Saintifik Gunung Gagau (2008) bertujuan mencari kepelbagaiaan geologi dan biologi melibatkan 60 penyelidik pelbagai bidang kapekaranan.

Ekspedisi baru-baru ini berjaya menemukan fosil gigi dinosaurus, pada hari ketiga dan fosil tapak kaki dan tulang dinosaurus serta fosil tumbuhan (kayu terbatu) pada hari kelima.

Ekspedisi tersebut dianjurkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Malaysia dan Kumpulan Warisan Geologi Malaysia (KWGM) yang merupakan gabungan geosaintis yang berjuang bagi memartabatkan khasanah warisan geologi di negara ini.

Menghuraui lebih lanjut, beliau berkata, pada awalnya penyelidik dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu yang menumpukan penyiasatan di lembah sungai dan di pinggir gunung. Namun setelah penemuan fosil kesan tapak dan tulang dinosaurus pada satu lokality pada hari kelima, kesemua penyelidik bergabung bagi menumpukan kajian ke lokality berkenaan.

Perjalanan tersebut bukan mudah kerana lokasi penyelidikan agak sukar

iaitu Gunung Gagau yang terletak di sempadan Terengganu-Kelantan-Pahang. Kumpulan tersebut memulakan perjalanan pada 13 Oktober dengan menaiki bot dari Pangkalan Gawi selama lima jam ke Pangkalan Kuala Sungai Chichir sebelum berjalan kaki sejauh 10 kilometer (km) ke lereng Gunung Gagau.

Menurut Dr. Shafeea lagi, keseluruhan Gunung Gagau dibentuk oleh batuan sedimen lembangan daratan lebih dikenali sebagai *red bed* atau Lapisan Merah berusia Jura-Kapur yang berpotensi menyembunyikan fosil dinosaurus di dalamnya. Jura-Kapur bermaksud usia daripada Zaman Jurasic hingga Cretaceous.


Fosil tersebut amat berharga dari segi ilmiah yang boleh mengaitkan batuan di Gunung Gagau khususnya dan Malaysia amnya dengan semua lokasi penemuan dinosaurus di Asia Tenggara dan Asia Timur.

Selain di Gunung Gagau, batuan serupa juga membentuk Banjaran Tahan dan Banjaran Penampu (Pahang-Kelantan) serta beberapa tempat lain di sekitar Maran, Bukit Bertanga dan Taman Negara Endau Rompin di Pahang dan di kawasan Paloh, Gunung Ma'okil, Parit Sulong, Ulu Endau, Bukit Tebak hingga ke Gunung Panti di Johor.

Katanya, sebelum ini, banyak fosil dinosaurus ditemui dalam batuan berusia Jura-Kapur di Dataran Tinggi Korat, Thailand. Penemuan tersebut menambah keyakinan beliau bahawa terdapat fosil dinosaurus di Malaysia. Kejayaan negara jiran itu juga mendorong pihak JMG




**MOHD. SHAFEEA LEMAN**



# KERATAN AKHBAR

## UTUSAN MALAYSIA (MEGA FOKUS) : MUKA SURAT 2

### TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)



MAMPUKAH penyelidik tempatan menemukan tempat menemukan rangka hampir lengkap dinosaurus seperti di China?



menghantar ahli geologi ke negara berkenaan untuk melatih mereka dalam pencarian dinosaurus.

Dengan kelengkapan asas yang ada, mereka akhirnya berjaya mencapai misi dengan menemukan fosil gigi dinosaurus dalam bongkah konglomerat selain fosil kesan tapak kakinya di atas bongkah batu pasir di Sg. Chichir.

Fosil tulang pula ditemukan dalam singkapan batu pasir berpebel di Sg. Chichir manakala fosil tumbuhan kayu terpetri dan singkapan batu arang ditemukan di Sg. Pertang.

Penemuan hasil ekspedisi tersebut diserahkan kepada JMG Terengganu untuk disimpan oleh jabatan tersebut.

Setakat ini, penyelidik mengenal pasti fosil dinosaurus yang ditemui adalah sebahagian daripada Famili Theropod, Saurapoda serta Iguanodontida.

Menurut beliau, pihak JMG, KWGM dan Kerajaan Negeri Terengganu akan mengadakan langkah susulan bagi membuat ekskavasi secara bersistem bagi mendapatkan lebih banyak fosil di Kawasan terbabit.

Sementara itu, kedua-dua pihak terbabit akan menjalankan beberapa siri ekspedisi seterusnya secara terarah ke lokasi lain yang telah dikenal pasti mempunyai batuan yang berpotensi.

Bagaimanapun beliau menolak sebarang teori awal yang mengatakan bahawa dinosaurus yang terdapat di negara ini asalnya berhijrah dari negara jiran.

Ini kerana berdasarkan kepada pada zaman Jura-Kapur, lokasi dinosaurus merupakan tanah dari tanah yang sama yang kemudiannya terpisah oleh proses dalam dan proses perubahan bumi.

Dinosaurus hidup pada Era Mesozoic dan bermula pada zaman Triassic dan berkembang pesat pada zaman Jurassic (antara 200 dan 145 juta tahun) dan mencapai kemuncak pada zaman Cretaceous (antara 145 dan 65 juta tahun).

Kepupusan dinosaurus diakait dengan peristiwa hentaman meteroit besar di Semenanjung Yucatan di Teluk Mexico yang menyebabkannya perubahan mendadak kepada cuaca seluruh permukaan bumi.

Menurut Dr. Shafeea lagi, dengan penemuan fosil dinosaurus yang berselerakan pada satu-satu lokasi di China, tidak mustahil kepupusan spesies prasejarah itu juga disebabkan faktor persekitaran termasuk masalah kehabisan sumber air yang menyebabkan semua hidupan berkumpul di lokasi air



BONGKAH konglomerat yang mengandungi fosil gigi spesis dinosorus Iguanodon yang ditemui di Sungai Cicir, Gunung Gagau Hulu Terengganu.

terakhir sebelum semuanya mati kehausan.

"UMK akan meneruskan kajian termasuk mengambil pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah dalam kajian dinosaurus ekoran perkembangan terbaru ini," katanya.

Ketika ditanya apakah kelebihan Malaysia dengan penemuan fosil dinosaurus itu, beliau berkata, ia membuka banyak ruang kajian dan penyelidikan termasuk kemungkinan menubuhkan muzium dinosaurus pada masa akan datang.

Muzium tersebut boleh dibina di Kawasan penemuan atau sampel dibawa keluar untuk untuk disimpan di dalam muzium yang dibina di pinggir Tasik Kenyir sebagai tarikan pelancongan.

"Penemuan fosil dinosaurus di Hulu Terengganu membuka dimensi baru ilmu geologi di Malaysia dan memberi nilai tambah kepada usaha menjadikan Wilayah Tasik Kenyir sebagai Geopark Kebangsaan atau Geopark Global UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu)," katanya yang juga merupakan seorang penilai Geopark yang dilantik oleh UNESCO sejak tahun 2009.

Selain itu, ia memberi lonjakan impak kepada industri eko-geo-pelancongan negara serta membuka ruang perkongsian pintar antara kerajaan negeri, jabatan persekutuan dan institusi pengajian tinggi tempatan.

Penemuan fosil dinosaurus di Hulu Terengganu membuka dimensi baru ilmu geologi di Malaysia dan memberi nilai tambah kepada usaha menjadikan Wilayah Tasik Kenyir sebagai Geopark Kebangsaan/Geopark Global UNESCO.

Memberi lonjakan impak kepada industri eko-geo-pelancongan negara membuka ruang perkongsian pintar antara kerajaan negeri, JMG atau NRE dan IPT.

## Info

### APA SELEPAS INI

- Mengenal pasti dan mengesah spesies dinosaurus
- Menjalankan kajian susulan di kawasan sekitar
- Menjalankan kajian yang serupa di kawasan lain
- Lokaliti fosil dinosaurus dipelihara dari kemusnahan proses semulajadi/gangguan manusia
- Mengembang dimensi penyelidikan di Malaysia
- Mengenal pasti dan mengesah spesies dinosaurus

### KUMPULAN PENYELIDIK EKSPEDISI GAGAU 2014

#### Jejak Dinosaurus

- Universiti Malaysia Kelantan (UMK) - Dua orang
- Universiti Teknologi Petronas (UTP) - Seorang
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - Tiga orang
- Universiti Malaya (UM) - Dua orang
- JMG - Sembilan orang

Gambar ihsan PROF. DR. MOHD. SHAFEEA LEMAN  
Rekabentuk MARLINA ZAKARIA

# *Islam has long preached sustainable living*

**WAY OF LIFE:** Going against the spirit of sustainable development is sinful

I RECENTLY spoke at a conference on sustainable development organised by the Institute for Islamic Development (Ikim), the nation's think tank on Islam. The theme for the conference was "Understanding the Islamic perspectives of sustainable development". Though the conference was meant to deliberate on the Islamic interpretation of sustainable development, participants from other religions also came. In fact, there was a paper by a speaker from a Buddhist education organisation from Thailand. Ikim deserves a big pat on the back for taking the initiative to hold an interfaith discussion on such an important topic

as sustainable development. My paper on the topic of "science and sustainable development" was slotted in the session on governance and policy.

That opportunity to present a paper proved to be an eye-opener for me. I never knew that there were so many verses in the Quran that advocate sustainable development as a form of *ibadah* (worship) for Muslims. I am not sure if many among Muslims are aware of this. My guess is that many are not privy to the calling for Muslims to embrace sustainable development as a matter of religious directive. Otherwise, we would not see the rampant abuse of nature by man, including Muslims.

Such abuses include many acts that we like to think are not in conflict with the teachings of Islam. How very wrong we are. Going by many Quranic verses, even the simple act of throwing rubbish into rivers can be considered un-Islam-

ic. So is the indiscriminate cutting of trees, which leads to the serious problems of erosion and disastrous landslides. In a way, the devastation of Cameron Highlands, as recently reported, is actually very un-Islamic.

In preparing the presentation, I came across many analyses by Islamic scholars on how Islam views sustainable development. Evidence of sustainable living advocated by the Quran has been cited by many scholars. Verses that support sustainable development directly and indirectly are clearly espoused in the Quran.

These include the need to respect all creations of Allah, since man has been given the responsibility to be the custodian of all beings; the call for the sharing of Allah's bounties among all mankind, including future generations; and, the constant calling to rid mankind of lust, selfishness and greed.

We are all familiar with the West-

ern concepts. The often-quoted Western definition of "sustainable development" is, of course, that which is espoused by the highly cited Brundtland Report. In the report, sustainable development is defined as "development that meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs". In the Islamic definition, sustainable development is essentially about not depriving future generations of the same opportunities and access to nature's blessings, as enjoyed by the current generation. Therefore, for Muslims, going against the spirit of sustainable development is considered sinful.

Though the Islamic and Western definitions do not differ much, the actual practices in pursuing sustainable development do differ. Both, of course, agree on the fact that future generations should have the same access to the natural resources provided by Allah in pursuing their opportunities in life. But in Islam, there is a strong calling for the sharing of knowledge to

embark on the path of sustainable development. The West has, over the years, come up with much rhetoric to share technologies to support sustainable development. But in practice, the opposite is true.

Take the classic example of sharing technologies to treat waste. The West has always hesitated. In fact, one of the sticky issues in the global agreement to tackle climate change is technology transfer. The West, which has the technologies, is hesitant to share. We, therefore, have no choice but to develop our own.

It is clear that there is much evidence in the Quran that confirms that Islam has long preached sustainable development before it even became an obsession of the West. Muslims need to be aware of this. It is, therefore, imperative for Muslims to treat sustainable development as a religious commitment. This further goes to show that Islam is a complete religion. It is not just about the rituals of praying and fasting. Islam is a way of life.



**Dr Ahmad Ibrahim**  
is fellow of the  
Academy of  
Sciences Malaysia

# Kakitangan awam kena dekati masyarakat: Zabidi

**Kangar:** Kakitangan awam di galakkan turun padang mendekati masyarakat bagi membolehkan mereka mendalami sekali gus menyelami keperluan sebenar golongan itu untuk diberikan bantuan sewajarnya.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi berkata, penjawat awam boleh berbuat demikian dengan menyertai pelbagai program kemasyarakatan yang diadakan kerajaan, khususnya di kawasan luar bandar yang memerlukan pembangunan.

"Program kemasyarakatan dilakukan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) membabitkan penyertaan beberapa jabatan atau agensi kerajaan ini secara tidak

langsung menyahut seruan kerajaan untuk Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

"Menerusi program seperti ini, kita dapat sampaikan kepada masyarakat mengenai pembangunan serta kemudahan yang disediakan kerajaan untuk kesejahteraan rakyat.

#### Bantu kenal pasti isu

"Penjawat awam yang terbabit dalam program sebegini diharap dapat membantu kerajaan mengenal pasti isu dan keperluan, selain masalah yang dihadapi mereka supaya dapat ditangani dengan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena program Kembara Kasih anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota anggota Kerajaan Wilayah Per-

sekutuan (MAKSWIP) dan PUSPANITA Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Kampung Ujong Bukit, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus PUSPANITA JPA, Puan Sri Asmaham Ismail dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md Ehsan.

Kira-kira 50 ahli MAKSWIP dan PUSPANITA JPA terbabit dalam program pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ini yang pengisinya tertumpu kepada aktiviti gotong-royong penjawat awam bersama penduduk kampung.

Antara aktiviti dilakukan membaiki rumah penduduk yang rosak, membersihkan tanah perkuburan Islam di kampung terbabit serta program bersama kanak-kanak.



**"Menerusi program seperti ini, kita dapat sampaikan kepada masyarakat mengenai pembangunan serta kemudahan yang disediakan kerajaan untuk kesejahteraan rakyat"**

**Mohamad Zabidi Zainal,  
Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam**